

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**KEBERKESANAN LATARBELAKANG PENASIHAT
AKADEMIK DAN PENCAPAIAN PELAJAR: KAJIAN KES DI
POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH**

*EFFECTIVENESS OF ACADEMIC ADVISOR BACKGROUND AND STUDENT
PERFORMANCE: A CASE STUDY OF POLITEKNIK TUANKU SULTANAH
BAHIYAH*

Mohd Zamre Ab Rahman¹, Mohd Faizal Jamaludin^{2*}, Mohd Fahmee Bahaudin³

¹ Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah, Malaysia
Email: tpa@ptsb.edu.my

² Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: mfaizalj@uitm.edu.my

³ Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah, Malaysia
Email: fahmee@ptsb.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 13.07.2023

Revised date: 25.07.2023

Accepted date: 21.08.2023

Published date: 15.09.2023

To cite this document:

Ab Rahman, M. Z., Jamaludin, M. F., & Bahaudin, M. F. (2023). Keberkesanan Latarbelakang Penasihat Akademik Dan Pencapaian Pelajar: Kajian Kes Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (51), 191-205.

DOI: 10.35631/IJEPC.851013

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang penasihat akademik yang dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini menentukan sama ada jantina, gred, tempoh perkhidmatan, tahap pendidikan, jumlah pensijilan akademik serta penglibatan dalam jawatan pengurusan dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian ini secara signifikan mengenal pasti bahawa pencapaian akademik pelajar boleh dipengaruhi oleh beberapa ciri yang terdapat pada seseorang penasihat akademik iaitu tempoh perkhidmatan, tahap pendidikan tertinggi, bilangan pensijilan akademik, dan penglibatan dalam jawatan pengurusan. Kajian ini mencadangkan bahawa terdapat keperluan untuk mengurus keperluan sumber manusia yang berkaitan dengan penasihat akademik diberi penekanan yang sewajarnya. Penyelidikan berkaitan keperluan khidmat nasihat akademik seperti peningkatan kerjaya dan pembangunan kompetensi diharapkan dapat membolehkan penasihat akademik menjalankan tugas-tugas hakiki dan sampingan serta khidmat nasihat akademik dengan berkesan dan seterusnya mengekalkan pencapaian akademik pelajar pada tahap yang memuaskan.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

**Kata Kunci:**

Penasihat Akademik, Pencapaian Akademik, Ciri Pensyarah

Abstract:

This study aims to identify the background of academic advisors that are associated with students' academic achievement. This study determines whether gender, grade, length of service, level of education, amount of academic certification as well as involvement in management positions can increase students' academic achievement. This study's findings significantly identify that students' academic achievement can be influenced by several characteristics found in an academic advisor, namely length of service, highest level of education, number of academic certifications, and involvement in management positions. This study suggests that the are need to manage human resource needs related to academic advisors is given due emphasis. Research related to the needs of academic advising such as career enhancement and competency development is expected to enable academic advisors to carry out essential and administrative tasks as well as academic advising effectively and further maintain students' academic achievement at a satisfactory level.

Keywords:

Academic Advisor, Academic Achievement, Lecturer Characteristics

Pengenalan

Pelbagai inisiatif penambahbaikan dalam bidang pendidikan menjadi keutamaan mana- mana negara ke arah meningkatkan tahap kemajuan dan berkembang seiring dengan keperluan semasa dunia pendidikan seperti sains dan teknologi (Ahmadi & Uhbiyati, 2001). Selari dengan inisiatif berkenaan, prestasi akademik pelajar merupakan salah satu pengukuran yang kritis berkaitan tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian terdahulu mendapati terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar seperti gaya pembelajaran, status pendidikan dan institusi pendidikan serta persekitaran pendidikan, namun peranan dan latarbelakang penasihat akademik masih kurang diberi penekanan (Chong & Han 2023; Kaushal et. al, 2023; Molinari & Grazia, 2023)

Umumnya, latar belakang atau ciri yang terdapat pada penasihat akademik berkemungkinan mempunyai kesan yang signifikan terhadap keberhasilan pelajar. Antara latar belakang pensyarah yang berpotensi memberi kesan kepada tahap prestasi akademik pelajar adalah termasuk umur, pengalaman mengajar, tahap pendidikan tertinggi yang dicapai, jantina, gred jawatan, bilangan kelayakan akademik yang dimiliki dan penglibatan dalam jawatan pengurusan yang dipangku adalah penting dalam menentukan pencapaian pelajar.

Penasihat akademik dianggap sebagai faktor teras yang paling penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar (Muzenda, 2013). Manakala, Ayan dan Kocacik (2010) menjelaskan bahawa kekuatan ciri-ciri penasihat akademik boleh mempengaruhi malah mengubah persekitaran pembelajaran pelajar. Tinto (1975, 2007) dan Diaz et. al. (2023) berpendapat bahawa pelajar lebih berkemungkinan untuk lebih cemerlang dalam melengkapkan pengajian mereka dalam persekitaran bermaklumat yang jelas serta konsisten dengan kehendak institusi mengikut keperluan semasa.

Penasihat akademik dijangka berupaya menafsir kehendak institusi dan menyampaikannya kepada pelajar dengan cara yang lebih praktikal dalam membantu pelajar menamatkan pengajian mereka. Tanpa penasihat yang berkualiti, pelajar mungkin hanya mampu menguasai kandungan kursus, namun masih berisiko untuk tercicir jika mereka gagal membangunkan kepercayaan diri yang mencukupi untuk mencapai matlamat akademik, kehendak institusi, motivasi diri untuk mencapai kejaayaan yang lebih cemerlang serta penglibatan dalam aktiviti sosial (Lotkowski et al., 2004).

Dalam sistem pendidikan di politeknik, peranan sebagai penasihat akademik (PA) oleh pensyarah dalam memberi perkhidmatan pendidikan tinggi melangkaui pengajaran dalam bilik kuliah. Mereka sering terlibat dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab dan tugas sampingan yang berpotensi memberi kesan kepada prestasi pelajar. Tugas ini boleh terdiri daripada perkara yang mempunyai hubungan langsung seperti pembangunan kurikulum dan pembinaan item penilaian, membimbing dan menasihati pelajar sehingga kepada tugas-tugas lain yang tidak berhubung secara langsung kepada prestasi akademik pelajar seperti urusan perolehan, program promosi, pengurusan program sehinggalah kepada hal-hal berkaitan tugas perkeranian.

Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji latar belakang penasihat akademik terhadap pencapaian prestasi pelajar dengan mengenal pasti faktor utama, dan meneroka mekanisme asas untuk meningkatkan kualiti hasil pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka latar belakang atau ciri-ciri penasihat akademik serta kesan serta kesannya terhadap prestasi pelajar. Dengan meneliti kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dalam bidang ini, pelbagai pandangan mampu diperoleh dalam mengenal pasti strategi serta mengoptimumkan keberkesannya.

Penyataan Masalah

Kualiti pendidikan di institusi pengajian tinggi amat bergantung kepada prestasi pelajar. Walaupun pelbagai faktor menyumbang kepada prestasi pelajar, Latar belakang dan ciri pensyarah memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pendidikan. Zenni dan Turner (2021) menyatakan bahawa terdapat perkaitan di antara ciri-ciri penasihat akademik dan pelajar yang memberi kesan bimbingan dalam jangka pendek dan panjang.

Maka, adalah penting untuk memahami pengaruh ciri pensyarah seperti tahun pengalaman mengajar, tahap pendidikan tertinggi, jantina, gred jawatan, jumlah persijilan akademik yang dimiliki dan jawatan pengurusan yang disandang terhadap prestasi pelajar adalah penting untuk mengoptimumkan amalan pengajaran dan meningkatkan hasil pendidikan. Justeru itu, terdapat keperluan untuk menyiasat dan menganalisis faktor-faktor ini secara menyeluruh untuk mengenal pasti kesan khusus mereka terhadap prestasi pelajar.

Persoalan Kajian

- i. Adakah gred jawatan pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?
- ii. Adakah jantina pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?
- iii. Adakah tempoh pengalaman pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?

- iv. Adakah tahap Pendidikan tertinggi pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?
- v. Adakah jumlah persijilan yang dimiliki pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?
- vi. Adakah jawatan pengurusan yang disandang oleh pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar?

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti sama ada gred jawatan pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.
- ii. Menentukan sama ada jantina pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.
- iii. Menentukan sama ada tempoh perkhidmatan pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.
- iv. Menentukan sama ada tahap Pendidikan tertinggi pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.
- v. Menentukan sama ada jumlah persijilan akademik yang dimiliki pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.
- vi. Menentukan sama jawatan pengurusan yang disandang oleh pensyarah mempunyai perkaitan dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

Merujuk kepada objektif yang dinyatakan, kajian ini dijangkakan dapat memberikan pemahaman yang menyeluruh berkaitan peranan ciri pada pensyarah mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Penemuan ini akan menyumbang kepada pembangunan amalan dan dasar berasaskan bukti di institusi pengajian tinggi khususnya politeknik untuk mengoptimumkan strategi pengajaran dan meningkatkan hasil pendidikan.

Sorotan Kajian

Pengajaran yang berkesan dalam pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk pencapaian akademik pelajar dan ianya telah dikaji dan diiktiraf secara meluas dalam penyelidikan pendidikan. Beberapa kajian dan artikel ilmiah mengetengahkan kepentingan bimbingan yang berkesan dan natijahnya terhadap hasil akademik pelajar. Beberapa dapatan telah diperolehi oleh pengkaji terdahulu terhadap elemen-elemen yang cuba diketengahkan dalam kajian ini.

Prestasi pelajar merujuk kepada penilaian pencapaian hasil akademik pelajar dalam pelbagai persekitaran pendidikan. Ia biasanya melibatkan pengukuran pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan kecekapan pelajar berhubung dengan objektif atau standard pembelajaran tertentu. Prestasi pelajar boleh dinilai melalui pelbagai kaedah, termasuk ujian, peperiksaan, tugasan, projek, pembentangan dan penyertaan bilik kuliah.

Konsep pencapaian pelajar merangkumi beberapa aspek, antaranya ialah gred atau markah pelajar. Cara paling biasa untuk menilai prestasi pelajar ialah melalui pemberian gred atau markah berdasarkan prestasi mereka dalam ujian, tugas dan penilaian lain. Ini merujuk kepada prestasi keseluruhan pelajar dalam usaha akademik mereka, seperti keupayaan mereka untuk memenuhi objektif pembelajaran, menunjukkan penguasaan subjek dan memenuhi keperluan kursus atau kurikulum tertentu. Penilaian juga akan dilakukan berdasarkan pencapaian mereka terhadap hasil pembelajaran atau objektif pendidikan tertentu, yang mungkin termasuk pengetahuan khusus sesuatu kursus, kemahiran berfikir kritis, kebolehan menyelesaikan masalah, kreativiti, kemahiran komunikasi dan kemahiran kolaboratif. Secara keseluruhan, prestasi pelajar mencerminkan hasil pengalaman pembelajaran mereka dan berfungsi sebagai penunjuk penting kemajuan akademik, pencapaian dan kesediaan mereka untuk mengejar pendidikan atau laluan kerjaya masa depan.

Gred perkhidmatan yang berhubung langsung dengan gaji pensyarah juga boleh mempengaruhi prestasi pelajar secara tidak langsung. Terdapat banyak dapatan kajian yang telah menunjukkan perkaitan antara imbuhan dan komitmen dalam organisasi, seperti penemuan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh Anggraini et al., (2019). Ini memberi gambaran bahawa pensyarah yang mempunyai gred dan gaji yang lebih tinggi cenderung mempunyai kepuasan kerja dan motivasi yang lebih baik, yang boleh memberi kesan positif kepada amalan pengajaran mereka. Ini seterusnya boleh membawa kepada peningkatan prestasi pelajar. Pensyarah yang berpuas hati dengan gred perkhidmatan dan imbuhan mereka lebih cenderung untuk melaburkan masa dan usaha dalam pengajaran mereka, yang membawa kepada peningkatan hasil pelajar.

Pengalaman bertahun-tahun pensyarah dalam pengajaran boleh memberi kesan yang ketara kepada prestasi pelajar. Penyelidikan yang dijalankan oleh Tri Diyah Prastiti (2001) mendapati bahawa pengalaman mengajar memberi impak positif kepada pencapaian akademik pelajar. Mereka mendapati pensyarah yang mempunyai pengalaman yang lebih lama menunjukkan keberkesanan pengajaran dan kepuasan bimbingan yang lebih tinggi. Walaupun kajian empirikal ini memberikan bukti yang menyokong hubungan positif antara pengalaman pensyarah dan prestasi pelajar, adalah penting untuk diberi perhatian bahawa penemuan mungkin berbeza bergantung pada faktor kontekstual, amalan pengajaran dan populasi pelajar tertentu. Kajian lanjut diperlukan untuk meneroka mekanisme yang mendasari hubungan ini dan mengenal pasti strategi sesuai yang berpotensi untuk mengurangkan kesan negatifnya.

Faktor jantina penasihat akademik juga mungkin boleh menjadi satu lagi ciri penting yang mempengaruhi prestasi pelajar. Mungkin terdapat variasi dalam gaya yang dinamik dalam proses bimbingan mampu mempengaruhi hasil pelajar. Adalah penting untuk mempertimbangkan bagaimana faktor berkaitan jantina, seperti gaya komunikasi dan berat sebelah, boleh mempengaruhi penglibatan dan prestasi pelajar. Walau bagaimanapun, variasi dalam gaya bimbingan, corak komunikasi boleh menjejaskan penglibatan dan prestasi pelajar. Penyelidikan yang dijalankan oleh Norhasliza dan Hazalizah (2016) menjelaskan bahawa efikasi sendiri pendidik mempunyai perbezaan berdasarkan kepada jantina mereka manakala penemuan dalam kajian yang dijalankan oleh Syed Kamaruzaman et al. (2017) mendapati tiada faktor jantina mempengaruhi tahap efikasi sendiri seseorang pendidik. Hal ini membuka satu ruang untuk penelitian semula.

Tahap pendidikan tertinggi yang dicapai oleh pensyarah merupakan satu lagi ciri penting yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ganyaupfu (2013)

menyatakan bahawa kompetensi pensyarah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar. Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan Akiri (2013) yang mendapati kompetensi pensyarah dalam proses pembelajaran akan mendorong dan membantu pelajar mencapai prestasi yang lebih baik. Pensyarah yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi cenderung memiliki pengetahuan lanjutan, kepakaran pedagogi dan kemahiran penyelidikan, yang memberi kesan positif kepada pembelajaran dan pencapaian pelajar. Hasil dapatan Sultan & Shafi (2014) juga turut menyokong idea berhubung kaitan kompetensi pengajar dan prestasi akademik pelajar.

Dalam pendidikan tinggi, pensyarah memainkan peranan penting dalam menasihati dan membimbing pelajar sepanjang perjalanan akademik mereka. Pensyarah hendaklah bersedia untuk belajar secara berterusan bagi mengembangkan keupayaan dan bersedia menerima tanggungjawab kepimpinan yang semakin penting (Ash & Persall, 2000). Justeru itu, indikator ini mungkin dapat dilihat dari bilangan sijil akademik yang diperolehi oleh pensyarah yang berpotensi memberi kesan dalam memberikan sokongan nasihat.

Yoon et al (2007) mendapati bahawa guru yang menerima pembangunan profesional yang ketara boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Penemuan mereka menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara pensyarah yang mempunyai persijilan akademik tambahan seperti yang ditunjukkan oleh kepelbagaian sijil akademik dengan pencapaian pelajar. Ini adalah kerana pensyarah mampu menggunakan kepakaran yang mereka miliki dalam memberikan nasihat akademik. Pensyarah ini mempunyai pengetahuan yang lebih tentang keperluan kurikulum, pemilihan kursus serta perancangan akademik yang secara langsung akan mendorong kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar.

Pensyarah yang mempunyai pelbagai kelayakan akademik mampu bertindak sebagai mentor yang berkesan sekaligus memberi kesan positif kepada kejayaan akademik pelajar. Mentor ini dapat menawarkan nasihat yang bersesuaian, berkongsi sumber yang berkaitan dan memupuk persekitaran pembelajaran yang membina, yang akan membawa kepada peningkatan prestasi akademik pelajar serta kejayaan mereka secara keseluruhannya.

Dalam aspek tugas sampingan yang disandang oleh seseorang penasihat akademik seperti peranan dalam menjawat jawatan pengurusan sering dikaitkan dengan kepimpinan pensyarah di institusi. Arsyam (2020) menakrifkan pengurusan sebagai aktiviti mengawal dan mengurus seseorang untuk melakukan tugas yang telah diberikan manakala Suprihanto (2018) menafiskan pengurusan sebagai seni seseorang melaksanakan dan mengatur dalam penugasan tugas dan menjalankan tugas.

Kajian yang dijalankan oleh Hussein (2008) dan Day et al. (2009) mendapati faktor kepimpinan di institusi memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar secara signifikan. Apabila pensyarah mengambil bahagian secara aktif dalam pengurusan institusi, mereka mungkin mempunyai peluang untuk membentuk dasar, menyumbang kepada pembuatan keputusan yang akan mempengaruhi keseluruhan rangka kerja penasihat akademik.

Penasihat akademik biasanya dipandang remeh dalam kajian berkaitan pengekalan dan kejayaan pelajar di sesuatu institusi sehingga mereka tamat pengajian (Light, 2001). Faktor ini sangat penting untuk dipertimbangkan kerana ianya sangat berkait rapat dengan ransangan emosi pelajar. Menurut Nutt (2003) pula, penasihat akademik adalah sangat penting sebarang

usaha ke arah pengendalian dan memangkin kejayaan pelajar. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan untuk mengenal pasti aspek penasihat akademik.

Oleh yang demikian juga, matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri penasihat akademik yang mungkin menyumbang kepada prestasi akademik pelajar. Secara khususnya, tujuan utama kajian ini adalah untuk menyiasata ciri-ciri penasihat akademik yang mungkin memberi kesan langsung kepada purata nilai mata (PNM) pencapaian akademik pelajar.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif yang berasaskan data sekunder bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada sistem penasihat akademik di PTSB bagi semester Ogos 2022. Populasi kajian ini melibatkan sejumlah 141 kelas daripada 4 jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Perdagangan (JP). Bilangan pensyarah terlibat sebagai Penasihat Akademik (PA) adalah seramai 139 orang daripada keseluruhan 270 Pegawai Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT) di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB).


Kajian ini mengumpul data sekunder secara manual berdasarkan kepada maklumat umum perjawatan dan keputusan akademik pelajar bagi semester Ogos 2022 yang telah disahkan. Maklumat umum berkaitan perjawatan adalah gred semasa, tahap Pendidikan tertinggi, tempoh berkhidmat, bilangan sijil akademik dimiliki, pemilikan sijil ikhtisas, penglibatan dalam jawatan pengurusan serta jantina PPPT. Maklumat umum berkenaan dijangka mempunyai perkaitan dengan keupayaan dan keberkesanan PA untuk melaksanakan peranan menasihati pelajar mereka dalam kecemerlangan akademik.

Manakala, maklumat pencapaian akademik pelajar adalah berdasarkan kepada purata himpunan nilai mata (HPNM) yang diperolehi sehingga semester Ogos 2022. Pencapaian pelajar merujuk kepada purata HPNM yang dikumpul bagi sesuatu kelas. Purata HPNM diperolehi dengan menjumlahkan kesemua nilai HPNM bagi sesuatu kelas dan seterusnya dibahagikan dengan jumlah pelajar kelas berkenaan. Berikut merupakan definisi operasi bagi pembolehubah yang dikaji:

Jadual 1: Definisi Operasi

Pembolehubah	Definisi Operasi
Pencapaian	Purata HPNM setiap kelas
Gred	Gred semasa PA
Tahap Pendidikan	Tahap pendidikan tertinggi PA
Tempoh Perkhidmatan	Tempoh perkhidmatan semasa PA
Pensijilan Akademik	Bilangan pensijilan akademik PA seperti diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah.
Ikhtisas	Pemilikan sijil ikhtisas pendidikan. 1= Ada; 2= Tiada.
Jawatan Pengurusan	Penglibatan dalam jawatan pengurusan. 1= Ada; 2= Tiada
Jantina	Jantina PA

Seterusnya, Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

Berdasarkan kepada Rajah 1, hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H1: Gred semasa PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H2: Tahap pendidikan tertinggi PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H3: Tempoh perkhidmatan PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H4: Jumlah pensijilan akademik PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H5: Pemilikan sijil ikhtisas PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H6: Penglibatan PA dalam jawatan pengurusan mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

H7: Jantina PA mempunyai perkaitan signifikan dengan tahap pencapaian akademik mentee.

Dapatan Kajian

Jadual 2 dan 3 menunjukkan analisis deskriptif serta kekerapan melibatkan ke semua pembolehubah yang dikaji. Secara purata, nilai purata HPNM bagi kesemua kelas di PTSB adalah 3.02 dengan nilai minimum 2.01 dan maksimum 3.61 daripada nilai tertinggi HPNM iaitu 4.00. Selain itu, secara purata Penasihat Akademik terdiri dalam kalangan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dalam gred DH 44 hingga DH 48 iaitu sekitar 67.48 peratus daripada sampel. Penasihat Akademik juga secara purata memiliki sijil akademik peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana sekitar 90.78 peratus daripada sampel.

Jadual 2: Deskriptif (N=141)

	Min	Sisihan Piawai	Varians	Minimum	Maksimum
Pencapaian	3.02	0.30	0.09	2.01	3.61
Gred	3.43	1.09	1.19	1.00	6.00
Tahap Pendidikan	3.45	0.66	0.43	2.00	5.00
Tempoh Perkhidmatan	3.67	0.98	0.97	1.00	6.00
Pensijilan Akademik	2.09	0.80	0.64	1.00	4.00
Ikhtisas	1.42	0.50	0.25	1.00	2.00
Jawatan Pengurusan	1.94	0.23	0.05	1.00	2.00
Jantina	1.26	0.44	0.19	1.00	2.00

Jadual 3: Kekekapan (N=141)

Ciri Pensyarah	Deskripsi	Kekekapan	Peratusan	Peratusan Kumulatif
Gred Semasa	DH34	8	5.67	5.67
	DH41/DH42	22	15.60	21.28
	DH44	30	21.28	42.55
	DH48	65	46.10	88.65
	DH52	14	9.93	98.58
	DH54	2	1.42	100.00
Tahap Pendidikan Tertinggi	Diploma	9	6.38	6.38
	Sarjana Muda	64	45.39	51.77
	Sarjana	64	45.39	97.16
	Doktor Falsafah	4	2.84	100.00
Tempoh Perkhidmatan Semasa	Bawah 5 tahun	6	4.26	4.26
	6 tahun hingga 10 tahun	5	3.55	7.80
	11 tahun hingga 15 tahun	46	32.62	40.43
	16 tahun hingga 20 tahun	59	41.84	82.27
	21 tahun hingga 25 tahun	23	16.31	98.58
	26 tahun dan ke atas	2	1.42	100.00
Bilangan Pensijilan Akademik	1	34	24.11	24.11
	2	66	46.81	70.92
	3	36	25.53	96.45
	4	5	3.55	100.00
Ikhtisas	Ada	82	58.16	58.16
	Tiada	59	41.84	100.00
Jawatan Pengurusan	Ya	8	5.67	5.67
	Tidak	133	94.33	100.00
Jantina	Perempuan	104	73.76	73.76
	Lelaki	37	26.24	100.00

Secara purata, seseorang Penasihat Akademik telah berkhidmat selama 11 tahun hingga 20 tahun dalam perkhidmatan sebagai PPPT dengan melibatkan sekitar 74.46 peratus daripada sampel. Di samping itu, secara puratanya mereka memiliki sekurang- kurangnya 2 sijil akademik dengan seramai 46.81 peratus daripada sampel. Seterusnya, sekitar 58.16 peratus PA memiliki sijil ikhtisas dalam bidang pendidikan. Terdapat juga sebahagian kecil Penasihat

Akademik yang turut dilantik dalam jawatan pengurusan iaitu ketua kursus atau ketua program, sekitar 5.67 peratus. Manakala, seramai 73.76 peratus dari mereka adalah dalam kalangan pensyarah wanita.

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan nilai korelasi bagi semua pemboleh ubah yang dikaji. Didapati kesemua nilai berada di bawah daripada 0.70 menunjukkan tiada isu berkaitan multikolineariti. Selain itu, Jadual 4 menunjukkan terdapat sebahagian pemboleh ubah mempunyai perkaitan positif dan signifikan antara satu sama lain contohnya pencapaian pelajar mempunyai perkaitan positif dan signifikan dengan tempoh perkhidmatan Penasihat Akademik dengan nilai 0.11. Ia menunjukkan semakin lama tempoh perkhidmatan mereka, semakin meningkat tahap pencapaian akademik pelajar.

Namun, terdapat juga perkaitan yang signifikan dan negatif di antara 2 pemboleh ubah seperti pencapaian pelajar dengan pelantikan Penasihat Akademik dalam jawatan pengurusan dengan nilai -0.13. Dapatan berkenaan menyatakan, sekiranya semakin ramai PA yang dilantik dengan jawatan pengurusan, keupayaan mereka untuk melaksanakan peranan sebagai PA semakin tidak berkesan, kerana ianya akan menurunkan tahap pencapaian akademik pelajar.

Jadual 4: Korelasi (N=141)

	Pencapaian	Gred	Tahap Pendidikan	Tempoh Perkhidmatan	Pensijilan Akademik	Ikhtisas	Jawatan Pengurusan	Jantina
Pencapaian								
Gred	-0.03							
Tahap Pendidikan	0.01	0.47***						
Tempoh Perkhidmatan	0.11*	0.41***	0.08					
Pensijilan Akademik	-0.11*	0.30***	0.61***	0.16				
Ikhtisas	-0.02	-0.06	-0.25***	-0.50***	-0.45***			
Jawatan Pengurusan	-0.13*	0.13*	-0.02	0.10	0.06	0.02		
Jantina	0.06	0.00	-0.18**	0.07	-0.06	0.08	0.08	

*,** dan *** menunjukkan tahap signifikan pada tahap 0.01, 0.05 dan 0.1, masing- masing.

Jadual 5: Analisis Regresi (N=141)

	Pemboleh ubah	Pencapaian
<i>C</i>		3.00 9.04***
Gred		-0.03 -1.10
Tahap Pendidikan		0.09 1.59*
Tempoh Perkhidmatan		0.06 1.75**
Pensijilan Akademik		-0.07 -1.69**
Ikhtisas		0.02 0.22
Jawatan Pengurusan		-0.17 -1.51*
Jantina		0.05 0.86
<i>Adjusted R2</i>		0.02
<i>SE</i>		0.30
<i>F-Stats</i>		1.45*
<i>N</i>		141

*,** dan *** menunjukkan tahap signifikan pada tahap 0.01, 0.05 dan 0.1, masing- masing.

Jadual 5 menunjukkan analisis regresi bagi menentukan pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tahap pencapaian akademik pelajar yang diwakili oleh purata HPNM. Kajian ini mendapati hanya tahap pendidikan, tempoh perkhidmatan, pensijilan akademik dan jawatan pengurusan mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian pelajar. Namun, terdapat pemboleh ubah yang mempunyai perkaitan signifikan yang positif serta negatif.

Dapatan kajian ini menunjukkan peningkatan tahap pendidikan serta tempoh perkhidmatan seseorang Penasihat Akademik berkemungkinan meningkatkan tahap pencapaian pelajar dengan nilai 1.59 dan 1.57, masing- masing. Peningkatan tahap pendidikan seseorang Penasihat Akademik dijangka berupaya membantu mereka dalam melaksanakan tugas penasihat akademik kepada pelajar dengan berkesan sekali gus berkemungkinan meningkatkan tahap pencapaian mereka.

Begitu juga dengan tempoh perkhidmatan seseorang pensyarah yang menjadi Penasihat Akademik. Semakin lama tempoh perkhidmatan memungkinkan mereka memberi penasihat akademik yang lebih berkesan kepada pelajar di bawah penasihat mereka. Pengalaman yang dimiliki oleh Penasihat Akademik hasil daripada tempoh perkhidmatan yang lama mungkin membantu proses penasihat tersebut secara berkesan serta mampu meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar.

Walaubagaimanapun, bilangan sijil akademik yang dimiliki serta penglibatan Penasihat Akademik dengan jawatan pengurusan menunjukkan perkaitan signifikan yang negatif dengan pencapaian pelajar dengan nilai masing- masing iaitu -1.69 dan -1.51. Dapatan menunjukkan,

jumlah sijil akademik yang banyak tidak memberi kesan dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Ia berkemungkinan, mereka yang mempunyai banyak pensijilan akademik tidak menerapkan sepenuhnya pengetahuan atau kemahiran yang mereka pelajari bagi membantu meningkatkan pencapaian pelajar.

Selain itu, penglibatan Penasihat Akademik dengan lantikan jawatan pengurusan turut memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik pelajar di bawah selian mereka. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh jawatan pengurusan yang disandang memerlukan lebih memfokuskan masa dan komitmen bagi memenuhi pelbagai keperluan tugas pengurusan yang diberikan. Secara langsung, mereka berkemungkinan tidak dapat memberi fokus sewajarnya serta melaksanakan penasihat akademik dengan berkesan sekaligus menyebabkan pencapaian akademik pelajar di bawah penasihat mereka menurun.

Kesimpulan

Kesimpulannya, terdapat beberapa ciri pensyarah yang terlibat dalam penasihat akademik memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini mengguna pakai data sekunder dalam menganalisis dan menyiasat hubungan antara ciri penasihat akademik dan pencapaian pelajar. Penemuan yang dibentangkan adalah konsisten dengan bukti yang menunjukkan beberapa ciri utama yang dikaitkan dengan peningkatan pencapaian pelajar.

Kajian ini mengenal pasti bahawa tempoh perkhidmatan pensyarah sebagai pendidik di institusi memberi kesan positif terhadap prestasi pelajar. Pelajar mendapat manfaat apabila pensyarah mereka mempunyai pengalaman yang lama dalam bidang pendidikan. Ini kerana pengalaman yang mereka ada dapat membantu mengurus dan memotivasikan pelajar ke arah pencapaian akademik yang lebih cemerlang dengan mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki dalam menguruskan pelajar di bawah penasihat mereka.

Pendidikan tinggi dalam kalangan pensyarah dikaitkan dengan peningkatan prestasi pelajar. Ianya selari dengan dapatan dari kajian terdahulu yang secara konsisten menunjukkan bahawa pensyarah yang mempunyai ijazah lanjutan, seperti ijazah sarjana atau kedoktoran, mempunyai kesan positif terhadap hasil pembelajaran pelajar. Pensyarah yang mempunyai kelayakan pendidikan tinggi memiliki pengetahuan kursus yang lebih mendalam, kemahiran pedagogi lanjutan, dan pemahaman yang lebih luas tentang disiplin mereka, yang membolehkan mereka menyampaikan pengajaran dengan berkesan dan melibatkan pelajar secara lebih komprehensif.

Pensyarah yang mempunyai kelayakan pendidikan tinggi sering menjalani latihan yang ketat dan pembangunan profesional, yang melengkapkan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menggunakan kaedah pengurusan pelajar yang lebih inovatif. Kemahiran pedagogi yang dipertingkatkan ini menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan, yang akhirnya memberi manfaat kepada prestasi pelajar.

Selain itu, kajian ini menekankan pengaruh tahap pendidikan pensyarah terhadap bimbingan, dorongan dan sokongan. Pensyarah yang mempunyai kelayakan pendidikan tinggi lebih bersedia untuk menyediakan sokongan akademik dan bimbingan yang komprehensif kepada pelajar. Pengetahuan dan pengalaman lanjutan mereka membolehkan mereka menawarkan pandangan, nasihat dan bimbingan kerjaya yang berharga, yang memberi kesan positif kepada pembangunan pelajar dan kejayaan akademik.

Walaupun bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan jumlah persijilan akademik yang dimiliki oleh pensyarah Penasihat Akademik dilihat tidak membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dapatan ini tidak sejajar dengan penemuan terdahulu yang menunjukkan jumlah persijilan akademik memberi kesan langsung kepada penasihat akademik.

Penglibatan pensyarah dalam bidang pengurusan memberi impak negatif aktiviti penasihat akademik pelajar. Keadaan ini sekali gus memberi kesan langsung kepada pencapaian akademik pelajar di institusi. Hal ni terjadi mungkin disebabkan kesibukan Penasihat Akademik dalam urusan pentadbiran di institusi.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan dapatan yang pelbagai. Sehubungan itu, penyelidikan lanjut adalah perlu untuk memperdalam pemahaman kita tentang ciri-ciri ini dan kesan khusus yang membolehkan strategi berasaskan bukti dalam amalan penasihat akademik mampu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Penghargaan

Kumpulan penyelidik merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menyokong pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Ahmadi, H. A., & Uhbiyati, N. (2001). *Ilmu Pendidikan* [Educational Science].
- Akiri, A. A. (2013). Effects of Teachers' Effectiveness on Students' Academic Performance in Public Secondary Schools; Delta State - Nigeria. *Journal of Educational and Social Research*, 105.
- Anggraini, D., Muchtar, B., & Masdupi, E. (2019). Effect Of Remuneration , Work Motivation and Organizational Commitment To Job Performance Job Performance. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 64, 691–699. <https://doi.org/https://dx.doi.org/10.2991/piceeba2-18.2019.54>
- Arsyam, M. (2020). *Manajemen Pendidikan Islam* [Islamic Education Management]
- Ash, R. C. & Persall, J.M. (2000). The Principal as Chief Learning Officer: Developing Teacher Leaders. *NASSP Bulletin*, vol. 84 (15). Dimuat turun pada 27.3.2013 dari bul.sagepub.com, Universiti Putra Malaysia. DOI: 10.1177/019263650008461604
- Chong, L., & Han, C. G. K. (2023). Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 11(1), 73-80.
- Diaz Lema, M., Vooren, M., Cannistrà, M., van Klaveren, C., Agasisti, T., & Cornelisz, I. (2023). Predicting dropout in Higher Education across borders. *Studies in Higher Education*, 1-16.
- Ganyaupfu, E.M. (2013). Factors Influencing Academic Achievement in Quantitative Courses among Business Students of Private Higher Education Institutions. *Journal of Education and Practice*. Vol. 4, No. 15, 57-65.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Light, R. (2001), *Making the Most of College: Students Speak Their Minds*, Harvard University Press, Cambridge, MA.
- Lotkowski, V.A., Robbins, S.B. and Noeth, R.J. (2004), "The role of academic and non-academic factors in improving college retention", *ACT Policy Report*, available at: www.act.org/research/policymakers/pdf/college_retention.pdf (accessed 28 September 2008).

- Kaushal, V., Jaiswal, D., Kant, R., & Ali, N. (2023). Determinants of university reputation: conceptual model and empirical investigation in an emerging higher education market. *International Journal of Emerging Markets*, 18(8), 1846-1867.
- Muzenda, A. (2013). Lecturers' Competences and Students' Academic Performance. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*. 3(1), 06-13.
- Molinari, L., & Grazia, V. (2023). Students' school climate perceptions: Do engagement and burnout matter? *Learning Environments Research*, 26(1), 1-18.
- Norhasliza Abdullah & Hazalizah Hamzah. (2016). Pengaruh jantina dan dimensi personality guru ke atas efikasi sendiri guru sekolah rendah. Dibentangkan dalam *The 7th UPSI-UPI International Conference 2016*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nutt, C.L. (2003), "Academic advising and student retention and persistence", available at: www.nacada.ksu.edu/Clearinghouse/AdvisingIssues/retention.htm (accessed 20 January 2011).
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Mohd Zaki Che Hassan & Julismah Jani. (2017). Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(3): 45 – 31.
- Sultan, S. & Shafi, M. (2014). Impact of Perceived Teachers' Competence on Student's Performance : Evidence for Mediator/Moderating Role of Class Environment. *Journal on Educational Psychology*. Vol. 8, No. 1, 10-18.
- S. Ayan & F. Kocacik, (2010) The relation between the level of job satisfaction and types of personality in high school teachers, *Australian Journal of Teacher Education*, vol. 35, no. 1, pp. 26-41.
- Suprihanto, J. (2018). *Manajemen [Management]*. UGM PRESS.
- Tinto, V. (2007). *Taking student retention seriously*. Syracuse, NY: Syracuse University.
- Tinto, V. (1975), "Dropout from higher education: a theoretical synthesis of recent research", *Review of Educational Research*, 45, 89-125.
- Tri Dyah Prastiti. (2001). Hubungan Antara Indeks Prestasi Akademik Dan Pengalaman Mengajar Dengan Prestasi Kerja Sebagai Guru SD Bagi Lulusan D-IIPGSD Di Kodya Malang. *Unpublished doctoral dissertation*. Malang: Universitas Terbuka.
- Zenni, A. E., Turner, T. L., (2021). Planning and Presenting Workshops That Work: A Faculty Development Workshop, *The Journal of Teaching and Learning Resources*. Association of American Medical Colleges.